

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI
DEWAN RAKYAT'PADA 21HB DISEMBER, 1960
MEMBENTANGKAN BELANJAWAN KEMEN-
TERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, 1961**

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta izin membentangkan semua kepala-kepala 50 sehingga 54 iaitu kepala-kepala perbelanjaan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dalam membentangkan Pembangunan Luar Bandar ini, saya suka menerangkan bahawa bukanlah maksud Kerajaan hendak meluaskan Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini menjadi satu pertubuhan yang bertanggungjawab terhadap semua sekali perkara-perkara yang berkait dengan kemajuan-kemajuan Pembangunan Luar Bandar. Bahkan yang sebenarnya tugas Kementerian ini ialah ditujukan pada menyatukan di seluruh tenaga Kerajaan di kawasan-kawasan di luar bandar iaitu segala perkhidmatan kawasan-kawasan luar bandar ialah menjadikan tanggungjawab Kerajaan seperti jalan raya, klinik, sekolah-sekolah, parit dan taliair dan berbagai perkara yang lain ialah dapat diselenggarakan dengan usaha-usaha Kementerian dan Pejabat-pejabat yang sedia bertanggungjawab. Saya menyebutkan seperti hal ini ialah oleh sebab saya telah berulang kali ditanya mana-mana saya pergi berkenaan dengan Pembangunan Luar Bandar ini beberapa juta wangkah Kerajaan menguntukkan kerana Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada masa ini semua daerah-daerah telahpun menyediakan rancangan-rancangan bagi Pembangunan Luar Bandar di daerah masing-masing yang sekarang ini diketahui sebagai Rancangan Buku Merah. Dalam rancangan daerah itu telah disatukan dan dirangkaikan menjadi satu rancangan negeri. Dan tiap-tiap satu rancangan negeri itu telah siap dan dihantarkan kepada Kementerian ini dan segala rancangan-rancangan itu sedang disusun menurut bahagian masing-masing dan menurut Kementerian-kementerian dan Pejabat-pejabat masing-masing untuk dimasukkan di dalam rancangan kemajuan 5 tahun yang kedua Kerajaan Persekutuan. Sungguh-

pun rancangan-rancangan telahpun disediakan, saya suka menerangkan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini mempunyai tugas yang besar bagi menyatukan kerja-kerja serta perpaduan bagi tiap-tiap Kementerian dan jabatan yang berkenaan bagi kemajuan luar bandar.

Saya suka menerangkan juga bahawa saya merasa sangat puas hati terhadap tindakan dan tenaga yang telah diberi oleh semua pegawai baik di peringkat Negeri dan peringkat jajahan dalam melaksanakan Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Hampir dalam tiap-tiap daerah langkah-langkah sedang dijalankan dengan giatnya dalam melaksanakan banyak projek-projek yang mana telahpun disiapkan dalam tahun ini, oleh kerana banyak projek-projek ini maka tak dapatlah saya hendak menghuraikan satu persatu malahan saya suka mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih dan syabas kepada tiap-tiap Kerajaan-kerajaan Negeri dan tiap-tiap Pegawai-pegawai Daerah dan segala ahli Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah terhadap semangat perkhidmatan dan rasa tanggungjawab yang telah ditunjukkan bagaimana terbuktinya dengan jelas dalam segala perkara yang telah dilakukan oleh mereka itu untuk faedah dan kemudahan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Dalam perbelanjaan-perbelanjaan yang dibentangkan di hadapan Dewan ini saya suka menerangkan bahawa jikalau dibandingkan dengan belanja bagi tahun 1960 akan terdapatlah ada satu kekurangan Kepala iaitu Jabatan Kemajuan Kampung dan Perhubungan Masyarakat. Jabatan ini telah dihapuskan daripada menjadi satu jabatan yang berasingan dan sekarang telah dijadikan sebagai satu bahagian bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar, sebabnya diperbuat begini ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar segala hakikatnya adalah menjalankan tugas sebuah jabatan bagi Kemajuan Perhubungan Kaum dan ternyata tidak ada mustahak mengadakan sebuah jabatan yang berasingan daripada Kementerian ini.

Tadi saya telah terangkan bukanlah tujuan saya hendak mengadakan satu penubuhan yang besar bagi Kementerian ini bahkan maksudnya yang sebenarnya ialah hendak menggunakan semua sekali alat-alat Kerajaan yang ada pada masa ini untuk kemajuan penduduk-penduduk di luar bandar. Oleh yang demikian pada fikiran saya patutlah sangat pejabat ini dimansuhkan dan di-

masukkan ke dalam Kementerian ini. Begitu juga saya ada mendengar kerap kali orang berkata dalam Dewan ini bahawa dalam melaksanakan Rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar ini Kerajaan adalah meletakkan tanggungjawabnya semata-mata kepada Kerajaan dan tindakan yang sewajarnya belumlah diambil untuk menyeru penduduk-penduduk di luar bandar supaya menjalankan peranan-peranan dan memberi sokongan mereka. Saya pun telah memberi penerangan sedikit sebanyak berkenaan dengan perkara ini pada masa menjawab pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bachok dan sekarang saya suka mengambil peluang sekali lagi menerangkan sedikit sahaja iaitu menyatakan bahawa asas yang pertama sekali dalam satu-satu rancangan bagi melaksanakan pembangunan luar bandar ini adalah menjadi tanggungjawab yang utama pada Kerajaan iaitu Kerajaan hendaklah meletakkan rangka-rangka batu asas di mana kemajuan telah dirancangkan dan kemudian setelah dilaksanakan beaan asas itu maka bolehlah pihak kita, pihak Kerajaan berseru kepada rakyat jelata di luar-luar bandar iaitu tapak asas sekarang ini telah sedia bagi tuan-tuan semua penduduk-penduduk luar bandar menyudahkan beaan itu.

Sebagaimana yang telah saya terangkan juga bahawa di waktu saya melancarkan Rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar² itu satu daripada syarat yang telah saya sebutkan iaitu hendaklah tiap-tiap orang memberikan sepenuh-penuh kerjasama pada pihak Kerajaan kita terhadap rancangan-rancangan ini supaya mendapat kejayaan yang sepenuhnya. Tugasnya dasar kita ialah hendak membena satu rakyat, satu bangsa yang boleh berdiri di atas tapak kakinya sendiri. Pihak Kerajaan hanyalah dapat mengadakan bantuan yang sepatut sahaja dan sekiranya orang ramai hendak mengecap nikmat dan faedahnya yang lebih daripada bantuan yang diberi oleh Kerajaan itu maka terpaksa mereka menggunakan usaha dan tenaga mereka itu sendiri.

Saya telah terangkan tingkatan yang pertama dalam rancangan yang telah disempurnakan dan saya berharap pada awal tahun hadapan dapat dilancarkan tingkatan yang kedua Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini. Dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini selain daripada kita mengadakan kemudahan-

² Rancangan Pembangunan Luar Bandar dilancarkan pada 17hb November, 1959.

kemudahan kebajikan am seperti mengadakan jalan-jalan raya, sekolah-sekolah dan perbekalan air dan kuasa letrik maka perkara yang mustahak ialah perkara tanah. Perkara tanah ini seperti Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui ialah urusan Negeri dan tidak ada satu perkara yang dapat dijalankan melainkan dengan persetujuan dari Kerajaan Negeri, sungguhpun kuasa hal tanah ada dalam tangan Kerajaan Negeri, tetapi pada fikiran saya Kerajaan Persekutuan adalah bertanggungjawab juga bagi kerjasama dengan Kerajaan Negeri supaya dapat masalah tanah ini diatasi. Pada masa ini adalah banyak peminta-peminta tanah yang belum dapat diselesaikan dan banyak penduduk-penduduk di kampung yang berkehendakkan tanah, oleh sebab itu dengan kerjasama yang telah diberi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui National Land Council, pihak Kerajaan telah dapat mengadakan satu dasar yang tegas terhadap pemberian tanah ini dan sekarang ini pihak Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju hendak utamakan pemberian tanah kepada mereka yang tidak ada tanah dan tidak mempunyai cukup luas tanah bagi mata pencarian mereka itu dan juga Kerajaan Negeri bersetuju menutup buku-buku permohonan tanah bagi sementara dan membekukan semua pemohon-pemohon tanah itu. Dengan ini dapatlah masalah-masalah itu diatasi dengan sempurnanya dan pada masa yang akan datang ini tanah hanyalah akan dikeluarkan oleh Pejabat-pejabat Tanah menurut dasar yang baharu iaitu akan mengadakan kumpulan di kawasan cinggal beramai-ramai menurut Group Settlement Areas Bill yang telahpun diluluskan oleh Dewan ini dan pada masa sekarang ini tidak dapatlah hendak dibenarkan orang-orang meminta tanah dengan bersendirian.

Dan begitu juga bagi mengatasi masalah-masalah ini pihak Kerajaan Persekutuan dengan persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengeluarkan siaran perintah pembangunan luar bandar yang kedua dan di situ ada terkandung dasar baharu berkenaan dengan pemberian tanah dan juga terkandung caranya Pejabat-pejabat Tanah itu patut diperbaiki supaya dapat Pejabat-pejabat Tanah itu menjalankan tugas masing-masing dengan sempurnanya. Menurut siaran itu Pejabat-pejabat Tanah di serata tempat Tanah Melayu ini hendaklah terbahagi kepada 2 bahagian: iaitu sebahagiannya ialah semata-mata bertanggungjawab bagi pengeluaran dan memajukan tanah, dan sebahagian lagi bagi pekerjaan-pekerjaan yang lain yang lazim diperbuat oleh Pejabat-pejabat Tanah ini.

Maka pada fikiran saya, hanyalah dengan diadakan peraturan yang semacam ini di Pejabat-pejabat Tanah baharulah dapat pekerjaan mengeluarkan tanah itu dijalankan dengan sempurna dan dengan memberi puas hati. Dan dalam perintah itu juga ada diterangkan iaitu ada dua cara bagi mengeluarkan tanah. Satu ialah kawasan-kawasan yang luas yang dibagi untuk dijadikan kebun-kebun dan mencukupi hasil kepada penduduk-penduduknya yang tidak mempunyai tanah langsung. Keduanya, yang dikatakan kawasan-kawasan "Fringe Alienation" atau kawasan-kawasan yang berdekatan dengan kampung-kampung yang sedia untuk mendapatkan tanah-tanah ataupun kebun-kebun yang ada sekarang ini kepada penduduk-penduduk di tempat itu. Dalam siaran ini ada juga diterangkan mustahaklah diterangkan semua sekali Pejabat-pejabat yang berkaitan hal tanah ini memberikan kerjasama yang penuh kepada pihak Kerajaan bagi melaksanakan dasarnya yang tersebut itu. Dalam rancangan ini adalah ditentukan bahawa Kerajaan negeri bukan sahaja mustahak diberi keutamaan kepada pekerjaan-pekerjaan mengeluarkan tanah dan mengadakan rancangan kemajuan tanah ini, bahkan pihak Kerajaan-kerajaan negeri hendaklah menguntukkan dua pemberian, satunya menanggungkan pembayaran harga tanah bagi tempoh 9 tahun dan juga menengokkan hasil tanah bagi tempoh 9 tahun. Dan begitu juga Kerajaan Persekutuan mengaku mengadakan pendahuluan pinjaman wang untuk bayaran ukur dan belanja tebas dan membersihkan kawasan. Dan keduanya bantuan percuma untuk benih dan baja. Jadi, wang pinjaman yang diuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan ini hendaklah dijelaskan dalam tempoh 15 tahun. Dengan ada dasar yang baharu ini dan dipersetujui oleh Kerajaan negeri, saya percaya dapat masalah pemberian tanah ini diatasi dengan sempurna. Tuan Yang diPertua, saya mencadangkan bahawa perbelanjaan di bawah kepala 50 hingga 54 ini dipersetujui.